

# Bina menara tinjau di puncak Gunung Melaka

**N10 - ASAHAH**

Nursaliawati Salberi

ASAHAH - Selepas diisytihar sebagai gunung secara rasmi pada Oktober 2020, Gunung Melaka semakin popular dan menarik minat ramai kaki 'hiking' seluruh negara.

Selain berpotensi diangkat sebagai destinasi pelancongan popular, Gunung Melaka juga dikatakan mempunyai kisah dan sejarah sendiri yang mana kawasan itu dikatakan menjadi antara lokasi persembunyian penduduk kampung yang melarikan diri dari tentera Jepun ketika era perang dunia kedua.

Justeru, pelbagai pembaharuan dirancang bagi memastikan Gunung Melaka atau yang turut dikenali sebagai Bukit Gapis sebelum ini terus menjadi tumpuan pengunjung dan pelancong sempena Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM2024).

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Asahan, Datuk Fairul

**FOKUS  
DUN****FAIRUL NIZAM**

Nizam Roslan berkata, perancangan berkenaan akan dilaksanakan menerusi kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) serta Jabatan Perhutanan.

"Antara cadangan disuarakan adalah membina sebuah menara tinjau di puncak Gunung Melaka, jika sudah siap nanti pendaki boleh menikmati pemandangan alam semula jadi yang indah.

"Bagi aspek keselamatan pula setiap 'check point' sudah dipasang papan tanda, selain itu turut dibina adalah pintu gerbang di kaki gunung yang menjadi laluan kaki 'hiking' untuk ke puncak," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Fairul Nizam yang juga Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri berkata, Jeram Tok Janggut yang menjadi pelengkap kepada landskap semula jadi Gunung Melaka juga akan diberi perhatian untuk dibangunkan.

"Cadangan itu masih dalam tindakan, Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) sedang menunggu peruntukan bagi pengambilan tanah untuk kerja pembangunan jeram tersebut.

"Kedatangan pengunjung atau pendaki ke Gunung Melaka kebelakangan ini amat memberangsangkan, jadi aspek fasiliti perlu diambil kira bagi memberikan keselesaan kepada mereka," katanya.



GAMBARAN puncak Gunung Melaka yang dicadang untuk didirikan menara tinjau. Foto Iqmal Haqim Rosman